



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (68)

Tarikh : 18 Disember 2017

SIARAN MEDIA

PELANCARAN ‘WUF9 TRAIN’ DAN KEMPEN ‘WUF9 SUSTAINABLE URBAN MOBILITY IN MAKING OUR FUTURE CITIES GREEN AND CONNECTED’

Subang Jaya, 18 Disember 2017 – Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui URBANICE MALAYSIA selaku *Local Secretariat* penganjuran persidangan Forum Bandar Sedunia (World Urban Forum - WUF) ke 9 pada pagi ini telah melancarkan ‘WUF9 Train’ Dan Kempen ‘Wuf9 Sustainable Urban Mobility In Making Our Future Cities Green And Connected’.

2. **WUF9 Train**’ adalah usaha yang dijayakan untuk mempromosikan penganjuran persidangan Forum Bandar Sedunia (World Urban Forum - WUF) ke 9 pada 7-13 Februari 2018 ini. Memilih laluan Putra Heights ke Gombak ini yang mempunyai anggaran penumpang seramai 10 juta sebulan maka adalah diharapkan akan memberi kesedaran pada orang ramai akan acara persidangan Forum Bandar Sedunia ke 9 ini selain menjadi mod pengangkutan peserta peserta forum.

3. Majlis turut dihadiri oleh Yang DiPertua Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) iaitu PBT bagi Stesen LRT Putra Heights), PBT Majlis Bandaraya Petaling Jaya bagi stesen Kelana Jaya ke Taman Jaya, dan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Selayang (MPS bagi Stesen LRT Gombak), yang merupakan laluan utama ‘WUF9 Train’ merentasi daerah-daerah di Negeri Selangor dan Kuala Lumpur. ‘WUF9 Train’ ini membawa mesej **‘Bandar 2030, Bandar Inklusif’** : **Pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu**’ iaitu tema persidangan forum bandar sedunia kali ini.

4. Agenda Perbandaran Baharu atau *New Urban Agenda* ini adalah merupakan suatu dokumen bagi mengalakkan perbandaran yang lebih mampan dengan memberi penekanan kepada *idea* penyelesaian yang inovatif, sistematik, praktikal dan mampan selaras dengan permasalahan yang dialami oleh penduduk setempat. Agenda ini juga memberi penekanan kepada perancangan dan pembangunan Bandar yang lebih bersepadu, urustadbir yang memerlukan anjakan paradigma dalam membina dan mewujudkan rantaian rakan pembangunan dalam memastikan pengurusan bandar-bandar pada masa akan datang lebih baik dan kos efisien.

5. Antara elemen Bandar mampan yang penting adalah sistem pengangkutan yang holistik, bersepadu dan kurang mengeluarkan karbon. Dan dengan menaja satu tren '4-coach' ini, ianya bukan sahaja sebagai acara kempen Forum Bandar Sedunia ke 9, tetapi ia mengukuhkan lagi kepentingan **Mobiliti Bandar yang Mampan** bagi kita memastikan Bandar Bandar kita '**connected**' dan hijau.

6. Pada persidangan Forum Bandar Sedunia Ke-9 nanti, Kerajaan amat menggalakkan agar peserta dan pengunjung untuk menggunakan sekerap mungkin pelbagai mod pengangkutan awam yang tersedia ada, berbasikal melalui laluan khas yang disediakan dan juga berjalan ke tempat berlangsungnya persidangan supaya kempen kemampanan dan mobiliti hijau ini menjadi satu permulaan yang baik buat penduduk Bandar turut serta mempraktikkan gaya hidup hijau dan sihat bagi memastikan bandar yang didiami terus rendah karbon dan mampan.

7. Walaupun ia tidak akan dapat dizahirkan dalam satu jangkamasa yang pendek, tetapi dengan konsistensi, pastinya akan menghasilkan persekitaran perbandaran yang mampan dan mampu mensejahterakan kehidupan penduduk di bandar.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu PLANMalaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my